

**Perubahan ritual sogit dalam pembukaan kawasan tanah baharu di Ranau,  
Sabah: satu tinjauan awal**

**ABSTRACT**

Sogit adalah pampasan, ganti rugi ataupun denda yang dikenakan kepada individu yang melanggar norma atau kod etika adat. Sungguhpun begitu, amalan ini telah mengalami banyak perubahan terutamanya dalam tatacara pelaksanaan, rentetan daripada masyarakat Dusun yang telah banyak memeluk agama Islam. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perubahan rituual sogit dalam pembukaan kawasan tanah khususnya di daerah Ranau. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan dua kampung sebagai lokasi kajian iaitu Kampung Purakogis dan Lipasu Lama, memandangkan masyarakat Dusun dalam kampung tersebut telah memeluk agama Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah temu bual semi berstruktur dan observasi. Hasil kajian mendapati, berlaku banyak perubahan dan sinkretisme di antara ajaran pra-Islam dengan ajaran Islam dalam amalan sogit pembukaan kawasan tanah baharu.